



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 57
Bil. 9

22hb April 2004

**TAMBAHAN No. 6
PERUNDANGAN**

Pk. P.U. 14.

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
UNDANG-UNDANG KECIL KREMATORIUM
(MAJLIS DAERAH KERIAN) 2004**

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-Undang Kecil

1. Nama, pemakaian dan permula kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Waktu membakar mayat
4. Permohonan dan fi
5. Larangan terhadap pembakaran
6. Spesifikasi keranda
7. Pelupusan abu
8. Daftar pembakaran mayat
9. Menyimpan rekod

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL KREMATORIUM
(MAJLIS DAERAH KERIAN) 2004

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 98 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Kerian membuat dan menurut Seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-Undang Kecil yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Krematorium (Majlis Daerah Kerian) 2004**.
- (2) Undang-undang kecil ini hendaklah terpakai bagi Majlis Daerah Kerian.
- (3) Undang-undang kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

'krematorium' ertinya krematorium yang disediakan di kawasan Majlis Daerah Kerian oleh Majlis menurut Subseksyen 94(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976;

'Majlis' ertinya Majlis Daerah Kerian;

'Yang Dipertua' ertinya orang yang ada pada masa itu menjalankan kewajipan kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis.

Waktu membakar mayat

3. (1) Waktu pembakaran mayat di krematorium hendaklah dilakukan pada mana-mana hari antara pukul sepuluh pagi hingga tujuh petang.
- (2) Yang Dipertua boleh dalam sesuatu kes tertentu membenarkan pembakaran dijalankan di krematorium itu pada bila-bila masa di luar waktu yang dinyatakan dalam perenggan (1).

Permohonan dan fi

4. (1) Tiada pembakaran mayat di krematorium boleh dibenarkan melainkan jika permohonan baginya telah dibuat dalam borang yang ditentukan oleh Majlis bagi maksud itu.
- (2) Permohonan hendaklah dibuat oleh mana-mana orang yang berikut:
 - (a) waris kadim si mati;
 - (b) seseorang yang diberi kuasa untuk membuat permohonan itu secara bertulis oleh waris kadim si mati;
 - (c) wakil peribadi yang sah di sisi undang-undang bagi si mati;
 - (d) mana-mana keluarga yang rapat dengan si mati; atau
 - (e) mana-mana orang yang memperoleh permit daripada polis atau pihak berkuasa hospital.

(3) Apabila permohonan itu diluluskan, Majlis hendaklah mengeluarkan permit tertakluk kepada—

- (a) bayaran sebanyak RM30.00 untuk pembakaran satu mayat; dan
- (b) apa-apa syarat dan sekatan yang dinyatakan dalamnya.

(4) Permit tersebut hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Majlis.

(5) Fi yang dibayar bagi permit yang dikeluarkan di bawah perenggan (3) tidak boleh dibayar balik.

Larangan terhadap pembakaran

5. (1) Tiada pembakaran mayat di krematorium itu boleh dibenarkan—

- (a) jika diketahui, dipercayai, atau disyaki bahawa si mati ialah seorang Islam atau jika ada keraguan tentang sama ada dia ialah seorang Islam;
- (b) jika diketahui bahawa si mati telah memberi arahan atau pertandaan, sama ada secara lisan atau bertulis, supaya mayatnya tidak dibakar atau supaya dikebumikan;
- (c) jika identiti si mati belum lagi dipastikan.

(2) Tiada pembakaran mayat di krematorium boleh dibenarkan sehingga dikemukakan kepada orang yang menjaga krematorium itu suatu permit mengkebumi yang dikeluarkan secara sah di sisi undang-undang bagi si mati.

Spesifikasi keranda

6. Keranda untuk mengisi mayat yang akan dibakar di krematorium itu hendaklah dibuat daripada kayu dan berukuran 2.1 meter panjang, 0.6 meter lebar dan 0.55 meter tinggi di sebelah luarnya.

Pelupusan abu

7. (1) Selepas tiap-tiap pembakaran mayat, abu si mati hendaklah diserahkan kepada orang yang telah memohon pembakaran mayat itu, jika dia menuntunya.

(2) Jika, dalam masa empat belas hari selepas notis diberikan kepada orang yang memohon pembakaran mayat itu supaya mengambil abu itu, dia telah tidak berbuat demikian atau jika dia telah menunjukkan bahawa ia tidak berhajat hendak menuntunya, abu itu hendaklah ditanam atau ditaburkan di suatu tempat yang ditentukan oleh Majlis.

(3) Selagi abu itu berada di krematorium, ianya hendaklah disimpan dengan sewajarnya dan ditanda sedemikian atau ditempatkan dengan sewajarnya sehingga boleh dikenali dengan mudah.

Daftar Pembakaran Mayat

8. (1) Orang yang menjaga krematorium hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan suatu Daftar Pembakaran Mayat yang hendaklah dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Majlis dan yang dalamnya hendaklah dicatatkan butir-butir yang berikut berhubung dengan setiap pembakaran, iaitu—

- (a) nombor siri pembakaran mayat;

- (b) tarikh pembakaran mayat;
- (c) nama, nombor kad pengenalan dan, setakat yang diketahui, tempat tinggal, pekerjaan, umur, jantina, agama dan taraf perkahwinan si mati;
- (d) tarikh kematian si mati;
- (e) nama, nombor kad pengenalan dan alamat orang yang telah memohon pembakaran mayat;
- (f) sebab kematian si mati, jika diketahui;
- (g) nombor rujukan permit mengkebumi;
- (h) nama, jawatan dan alamat orang yang telah mengeluarkan permit mengkebumi; dan
- (i) cara bagaimana abu si mati telah dilupuskan.

(2) Butir-butir yang disebutkan dalam Subperenggan 1(a) hingga (h) hendaklah dicatatkan dalam Daftar Pembakaran Mayat selesai dijalankan, dan butir-butir yang disebut dalam Subperenggan (1)(i) hendaklah dicatatkan selepas sahaja abu itu dilupuskan menurut undang-undang kecil 7.

Menyimpan rekod

9. (1) Orang yang menjaga krematorium hendaklah memastikan bahawa semua permohonan, permit dan dokumen-dokumen lain berhubung dengan setiap pembakaran mayat diberi nombor, difailkan mengikut giliran dan disimpan dengan selamat selama tempoh lima belas tahun dari tarikh pembakaran yang berkenaan.

(2) Daftar Pembakaran Mayat atau mana-mana bahagiannya tidak boleh dimusnahkan.

Dibuat 30 Oktober 1990.

[MDK 1555 Jld. 1; PU.P.K.23/75 (VII).]

BASIRAN BIN SABAN
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kerian,
Perak Darul Ridzuan

Disahkan 17 Disember 2003.

HAJI SHARAJDIN BIN TAKIN
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Perak Darul Ridzuan